

9 MAR 1996

PERDANA MENTERI PULANG SELEPAS LAWATAN TIGA HARI KE VIETNAM

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini selamat pulang ke tanahair selepas membuat lawatan kerja tiga hari ke Vietnam atas undangan Perdana Menteri republik itu Encik Vo Van Kiet.

Perdana Menteri mempunyai jadual kerja yang ketat pada lawatan yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan hubungan dua hala serta memperluaskan skop kerjasama antara Malaysia dan Vietnam.

Semasa di republik itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Encik Vo Van Kiet serta menemui Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Encik Do Muoi dan Presiden negara itu Encik Le Duc Anh, di samping melakukan lawatan ke beberapa syarikat Malaysia yang beroperasi di sana dan projek usahasama Vietnam dan Malaysia.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Micheal Toyad dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting adalah antara 30 anggota rombongan negara ini dalam lawatan rasmi itu.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob serta Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud adalah antara mereka yang berada di bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang menyambut kepulangan pemimpin negara dan rombongannya. -- BERNAMA

SJA CR